

TONJOL KEBOLEHAN BERBAHASA MANDARIN

Bakal pamer
kehebatan dalam
Pertandingan
'The 17TH Chinese
Bridge' di Wilayah
Hunan, China

DARI MUKA N31

Penyertaan mereka dalam pertandingan itu nanti akan ditaja sepenuhnya Ibu Pejabat Institut Confucius (HANBAN), Beijing di China. Pengarah Institut Kong Zi, Prof Madya Dr Noor Zalina Mahmood berkata, seramai 31 penuntut universiti awam dan swasta dari seluruh

negara mengambil bahagian dalam pertandingan edisi kelapan itu.

Katanya, mereka terdiri daripada penuntut universiti atau kolej tempatan yang berumur antara 18 hingga 30 tahun yang bukannya penutur jati bahasa Mandarin.

"Pertandingan ini diadakan dengan kerjasama Kedutaan Republik Rakyat China di Malaysia dan ditaja HANBAN.

"Matlamatnya adalah untuk memberi peluang kepada penuntut pelbagai bangsa yang terdiri daripada Melayu, India dan lain-lain menunjukkan kebolehan mereka bertutur dalam bahasa Mandarin.

"Pertandingan itu juga bertujuan memupuk minat dan memberi pendedahan kepada penuntut universiti untuk mempelajari bahasa Mandarin serta mengenali budaya masyarakat Cina.

Menurut Dr Noor Zalina, pertandingan itu di bahagikan kepada dua bahagian iaitu A dan B dengan setiap satunya memberi markah sebanyak 50 peratus.

Katanya, pemarkahan bahagian A diberi mengikut pecahan iaitu pengenalan diri (10 peratus), pengucapan awam mengikut tema ditetapkan (30 peratus) dan

sesi soal jawab bersama juri (10 peratus).

"Sementara itu, bahagian B menguji kreativiti peserta membuat persembahan bercirikan elemen kebudayaan Cina seperti menyanyi, menari, bermain permainan tradisional, muzik dan lain-lain.

"Menariknya, kostum dan peralatan perlu disediakan sendiri oleh peserta untuk persembahan yang mengambil masa antara tiga hingga lima minit," katanya.

Pertandingan itu diadakan sejak 2002 dan tahun ini, ia dirasmikan Pengarah Pejabat Kebudayaan Kedutaan China di Malaysia Zhang Jie Xin.

Antara universiti yang menghantar wakil bagi menyertai pertandingan berkenaan adalah UiTM, UPM, Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Pahang

Pertandingan ini diadakan dengan kerjasama Kedutaan Republik Rakyat China di Malaysia dan ditaja HANBAN

DR NOOR ZALINA

(UMP), Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL). - Redzuan Muharam



UCAPAN dalam bahasa Mandarin.



NURAININA Natasha dinobatkan sebagai juara manakala Muhammad Syaifq Farhan bergelar naib juara



PESERTA bergambar selepas majlis penyampaian hadiah.



KEBOLEHAN bermain muzik turut ditunjukkan.